

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS(2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

TARIKH : 8 MAC 2016 [SELASA]

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Tabung Haji telah atau akan bersetuju memberi kebenaran (mengikut Perjanjian Sukuk) kepada 1MDB menjual pegangan 1MDB di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd seperti diumumkan Presiden/CEO 1MDB pada 31 Disember 2015

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Lembaga Tabung Haji (**TH**) masih belum menerima permohonan, cadangan atau resolusi rasmi daripada Pemegang Amanah Sukuk ("Sukuk Trustee") atau Bandar Malaysia Sdn Bhd berhubung pegangan Sukuk **TH** dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd.

Sekian, terima kasih.